

Tahun 9 Bilangan 3

Jamadilakhir - Sya'ban 1426 / Julai - September 2005

## JANGAN LEKA DIBUAI ARUS KEMODENAN

Oleh: Haji Mohidin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah supaya rakyat dan penduduk negara ini tidak leka dibuai arus kemodenan yang serba mengasyikkan, sebaliknya berhati-hati memilih serta

menggunakan elemen kemajuan selaras dengan garis panduan yang disyaratkan oleh Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara 1426/2005 yang diadakan di Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas pada 27 Rejab, 1426 bersamaan 1 September, 2005 yang lalu.

Baginda seterusnya menegaskan bahawa adalah penting bagi rakyat dan penduduk negara ini memilih cara hidup yang betul supaya menghasilkan kesan positif yang berpanjangan.

Menurut baginda lagi: "Mereka tidak boleh sekali-kali memilih cara yang kelihatan betul tetapi pada hakikatnya sesuatu yang batil kerana akhirnya boleh mendarangkan kesan negatif yang sukar dipulihkan."

(Bersambung ke muka 3)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menghadiri Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj. Juga berangkat ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda.

4 Acara-Acara Ilmu Wadah Pembangunan Insan

6 Bolehkah Kanak-Kanak Bukan Islam Belajar Al-Qur'an Dan Sembahyang?

14 Marriage By A Court Appointed Guardian

16 Pengusa Zalim Akur Dengan Kelebihan Zikir

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

# Universiti Islam



Tahun 9 Bilangan 3 Jamadilakhir - Sya'ban 1426 / Julai - September 2005

Islam mewajibkan setiap umatnya agar menjadi orang yang berilmu, kerana itu juga Islam mewajibkan umatnya baik lelaki maupun perempuan menuntut ilmu supaya mereka tergolong umat yang cerdas dan terhindar daripada kejahilan, menjadi umat yang maju, berdaya saing dan berkembang di atas landasan syariat.

Jika dilihat dari sudut ibadat, menuntut ilmu itu sangat tinggi nilai dan pahalanya. Menuntut ilmu selagi mendatangkan manfaat dan faedah kepada diri, masyarakat, agama dan negara maka selagi itulah penuntutnya akan memperolehi pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu wata 'ala

Peranan utama ilmu ialah mendorong manusia beriman, beribadah, serta melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini. Oleh yang demikian, Islam menekankan umatnya tentang betapa pentingnya ilmu pengetahuan. Kerana ilmu itu berfungsi sebagai ubat kejahilan dan menyelamatkan manusia daripada kesesatan kepada hidayah, kesyirikan dan kekufuran kepada tauhid dan keimanan, serta daripada menyekutukan Allah kepada mengagungkanNya.

Demikianlah kepentingan ilmu kepada manusia untuk mengatur sistem kehidupan ke arah yang lebih baik, di samping untuk mendapatkan kesenangan dan kemajuan.

Untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam masa kini yang terus bersaing hebat mengharungi perkembangan ilmu dan dunia yang kian mencabar, Negara Brunei Darussalam insyâ' Allah akan mempunyai sebuah universiti Islam.

Ketika bertitah di Majlis Konvokesyen

Ke-17 Universiti Brunei Darussalam pada 2 Sya'ban, 1426 bersamaan 6 September, 2005 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyarankan mengenai penubuhan sebuah lagi institusi pengajian tinggi di negara ini iaitu 'Universiti Islam' tulen.

Universiti itu nanti pasti bukan saja berfungsi untuk menampung keperluan-keperluan masa kini dan akan datang tetapi yang utamanya ia juga menjadi teras dan mercu tanda kegemilangan, dan tamadun Islam benar-benar wujud di Negara Brunei Darussalam.

Harapan dan hasrat baginda itu tentunya menggambarkan satu harapan dan hasrat murni seorang raja yang amat mengambil berat tentang kepentingan dan kelebihan ilmu kepada rakyat dan penduduk negara ini, terutamanya untuk menjadi suluh dan pedoman dalam menentukan hala tuju kehidupan rakyat dan negara di masa hadapan.

Penubuhan universiti Islam ini diharapkan tidak akan ditangguh-tangguhkan bahkan disegerakan kerana baginda sendiri merasakan ia benar-benar perlu, apatah lagi atas penubuhannya telahpun ada.

Bagi setiap rakyat dan penduduk di negara ini, hasrat baginda itu adalah satu bonus atau harapan dan peluang keemasan bukan saja bagi generasi kita pada masa ini bahkan generasi-generasi kita yang akan datang, untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa dan membuat perubahan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. ■

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khalib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha  
Ketua Bahagian  
Penerbitan dan Penerangan

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat  
Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal  
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar  
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail  
Awang Osman Abu Bakar

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar  
Awang Osman bin Abu Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:*

*Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam*

(Dari ke muka 1)

Ketika menyentuh peristiwa Isra' dan Mi'raj, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa peristiwa itu bukanlah cerita penglipur lara atau cerita karangan makhluk, sebaliknya satu peristiwa yang membuktikan hakikat kekuasaan Allah yang benar-benar terjadi dan tanda kudrat dan iradat Allah sebagai ujian keimanan kepada manusia.

Baginda seterusnya bertitah, peristiwa Isra' dan Mi'raj membawa mesej yang jelas bahawa hamba Allah yang taat akan mendapat kemenangan, sementara yang ingkar akan menerima padah pada akhirnya.

Apa yang pasti, menurut baginda lagi, ujian ini akan sentiasa dihadapi oleh orang-orang yang menegakkan kebenaran di muka bumi dan ia tidak mudah untuk dilalui kerana naluri manusia itu sangat cenderung kepada kebatilan, di mana tarikan kepentingan dunia amat kuat berbanding dengan kepentingan akhirat.

Selepas mengurniakan titah, baginda berkenan mengurniakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang Anugerah Sekolah Ugama Teladan.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr.Ustaz Haji Awang Mohd.Zain bin Haji Serudin. Majlis juga diserikan dengan ceramah khas oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis diakhiri dengan doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah daripada Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Seria.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan piala kemenangan kepada Guru Besar Sekolah Ugama Tumpuan Telisai, Dayang Hajah Mastuyah binti Abd Ghani.



Selain jemputan lelaki jemputan wanita juga tidak ketinggalan menghadiri Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj yang diadakan setiap tahun.

# Acara-Acara Ilmu Wadah Pembangunan Insan

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, acara-acara ilmu dalam bentuk konvensyen boleh menjadi wadah kepada pembangunan insan, kerana ia berfungsi menggali dan mengembangkan idea-idea berasaskan ke arah pembangunan tersebut.

Pembangunan, menurut baginda, tidak memadai di bidang fizikal semata-mata, malah memerlukan integrasi kerohanian secara seimbang, kerana pembangunan yang pincang tidak akan berupaya melahirkan bangsa yang maju dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

*"Apabila kita maju dalam acuan yang betul, maka insya Allah, kita akan dipandang mulia bukan sahaja di mata manusia malahan juga di sisi Allah Subhanahu wata'ala"*, titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Perasmian Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme pada 20 Jamadilakhir, 1426 bersamaan 27 Julai, 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-59 tahun.




Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Majlis Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun.

Ke arah itu baginda berharap semua pihak sama ada dalam kerajaan maupun bukan kerajaan perlu membuat langkah susulan mengenainya.

*"Semua pihak tersebut perlu merendah diri untuk mendengar dan menilai segala buah fikiran para pakar, peserta seminar, bengkel dan pameran di dalam konvensyen. Kita wajar sama-sama melihat dan mencari mutiara contoh, tanpa mengira dari mana dan daripada siapa juga datangnya"*, titah baginda lagi.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Di antara jemputan yang hadir di Majlis Perasmian Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-59 tahun.

# Program Lawatan Tautan Hati 2005

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

S rombongan pelawat dari Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan berada di negara ini selama 6 hari bermula 1 Julai, 2005 yang lalu, dalam rangka Program Lawatan Tautan Hati 2005. Rombongan diketuai oleh Sahibus Samahah Dato Haji Hasbullah bin Mat Hassan, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim.

Salah satu acara lawatan tersebut ialah melawat Jabatan Mufti Kerajaan dan mengunjungi Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan pada hari Selasa 28 Jamadilawal, 1426 bersamaan 5 Julai, 2005.



*Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Sahibus Samahah Dato Haji Hasbullah bin Mat Hassan, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim dan rombongan.*

Semasa mengunjungi Yang Berhormat Mufti Kerajaan, rombongan telah membincangkan mengenai Islam dan umat Islam.

Di akhir lawatan kedua-dua pihak menyampaikan cenderamata masing-masing sebagai tanda silaturahim antara kedua belah pihak.

## BERHATI-HATI MENCARI PERAWAT

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Y ang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menyeru umat Islam agar berhati-hati mencari perawat, agar jangan sampai terkena orang yang jahil bahasa Arab dan jahil jawi, perawat yang anti aqidah, bomoh-bomoh atau dukun-dukun yang mempamerkan kesaktian, mengaku sakti dan mengetahui alam ghaib.

*"Ini bohong dan satu daripada perkara syirik yang dimurkai Allah Subhanahu wata'ala". tambah Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan.*

Bagi memastikan perkara ini, menurut Yang Berhormat Pehin, perhatikan baik-baik cara mereka dan dengarkan baik-baik apa yang mereka baca. Jika ada main puja-puja, seperti puja kayu, batu, besi, gambar dan seumpamanya, dia bukan perawat tetapi ahli bid'ah.

*"Orang macam ini bukan 'mengambak' penyakit tetapi menambah penyakit dan orang macam ini bukan menghalau jin dan syaitan, tetapi memanggil mereka", tambah Yang Berhormat Pehin lagi.*

Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan berkata demikian dalam Rancangan Bersama Mufti yang dirakam di Darulifta Brunei Darussalam pada hari Selasa dan Rabu 25 dan 26 Rejab, 1426 bersamaan 30 dan 31 Ogos, 2005 dan disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Brunei sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka



*Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berceramah dalam rancangan Bersama Mufti.*

Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, guru-guru dan pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Sekolah Menengah Sayyidina Hussein, Jerudong.

Juga hadir menjayakan rancangan tersebut ialah pegawai-pegawai dan Ahli Jawatankuasa Guru-Guru Jabatan Pengajian Islam Daerah Tutong, yang berkebetulan melawat Darulifta Brunei Darussalam.



*Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Guru-Guru Jabatan Pengajian Islam Daerah Tutong ketika mendengarkan taklimat mengenai Jabatan Mufti Kerajaan sebelum mereka sama-sama mengikuti ceramah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dalam rancangan Bersama Mufti.*

# Bolehkah Kanak-Kanak Bukan Islam Belajar Al-Qur'an Dan Sembahyang?

## Soalan:

Ada beberapa perkara yang menimbulkan keraguan di kalangan guru-guru dalam memberikan pelajaran kepada kanak-kanak bukan Islam yang belajar al-Qur'an dan sembahyang khususnya kepada murid yang berada di dalam darjah 3 ke atas, seperti:

### 1. Pembelajaran al-Qur'an:

- i. Menyentuh.
- ii. Mengangkat.
- iii. Membaca.
- iv. Khatam.

### 2. Sembahyang fardhu berjemaah di surau.

Sehubungan dengan itu besarlah harapan pihak sekolah bagi mendapatkan fatwa Mufti Kerajaan berkaitan dengan perkara di atas.

## Jawapan:

berdasarkan dalil al-Qur'an:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ  
بَعْدَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ،  
وَبَعْدُ

لَا يَمْسِدُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

(سورة الواقعة : ٧٩)

Tafsirnya: "Tidak boleh menyentuhnya (al-Qur'an) kecuali orang-orang yang suci."

(Surah al-Waqi'ah: 79)

Sementara dalil daripada hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pula ialah:

لَا يَمْسِي الْمُصْحَفُ إِلَّا طَاهِرٌ

(رواوه الحاكم والبيهقي)

Maksudnya: "Tidak boleh menyentuh al-Qur'an kecuali orang yang suci."

(Hadis riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi)

Ketika hendak membaca al-Qur'an adalah sangat elok terlebih dahulu membersihkan mulut dan menghias diri.

Al-Qur'an yang wajib disentuh dengan berwudhu itu ialah sama ada Mushaf yang lengkap sepenuhnya atau hanya beberapa ayat yang ditulis di atas kertas, papan, besi, kain dan sebagainya.

Oleh kerana cara menghormati al-Qur'an atau Mushaf itu sangat penting diketahui, maka elok sangat kita perturunkan



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

beberapa perkara yang menyentuh tentang cara menghormati dan memuliakan al-Qur'an (Mushaf) itu. Ini kerana kalau orang Islam tidak faham atau kurang faham cara menghormati dan memuliakan al-Qur'an, bagaimanakah mungkin orang bukan Islam dapat berbuat demikian? Berikut ini dicatatkan sebahagian daripada cara menghormati dan memuliakan al-Qur'an itu:

1. Tidak diletakkan Mushaf pada tempat yang mudah terdedah kepada pencemaran, seperti terkena najis, kotoran, atau jika ditiup angin ia akan berselerak, bertaburan dan sebagainya.
  2. Tidak diletakkan sesuatu di atas Mushaf, sama ada buku atau yang lainnya. Mushaf mestilah berada di tempat yang lebih terhormat dan di atas segala buku.
  3. Ketika membaca Mushaf, ia dipangku atau diletakkan di atas sesuatu di hadapan dan tidak meletakkannya secara langsung di atas lantai.
  4. Jika dituliskan ia pada sesuatu, jangan dihapus dengan memakai air liur, tetapi boleh memakai air bersih.
  - Apabila dihapus dengan memakai air, hendaklah bekas larutan basuhannya itu tidak jatuh ke tempat yang bernajis, atau tempat yang selalu dipijak-pijak, kerana larutan basuhan itu juga perlu dihormati.
  5. Setiap hari elok memandang Mushaf, paling sedikit sekali setiap hari.
- Abu Musa al-Asy'ari berkata: "Aku merasa malu jika tidak memandang Kitab Tuhanaku sekali dalam setiap hari..."

### (1) Kanak-Kanak Bukan Islam Belajar Al-Qur'an

### Cara Menghormati Dan Memuliakan Al-Qur'an

Sesungguhnya al-Qur'an itu *kalāmullāh*, ia wajib dihormati dan dimuliakan serta tidak terdedah kepada sebarang perkara yang boleh mendatangkan kehinaan. Menghina al-Qur'an bukan hanya berdosa bahkan menjadikan seseorang Islam itu kafir, misalnya seorang Islam mencampakkan al-Qur'an ke tempat yang kotor.

Antara cara menghormati al-Qur'an itu tidak boleh (bahkan haram) menyentuh, memegang atau membawanya melainkan dalam keadaan suci yakni berwudhu. Haram menyentuh al-Qur'an tanpa wudhu

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radhiyallahu 'anhu*, katanya: "Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

أَعْطُوهُمْ حَظْهَا مِنِ  
الْعِبَادَةِ، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ  
وَمَا حَظْهَا مِنِ الْعِبَادَةِ ؟ قَالَ :  
الظَّرْ إِلَى الْمُصْنَفِ وَالْتَّفَكُّرُ  
فِيهِ وَالْأَعْتَارُ عِنْدَ عَجَابِهِ

(Rواه الحاكم والبيهقي)

**Maksudnya:** "Kamu berikanlah bahagian ibadat untuk mata kamu." Lalu sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah apa dia bahagian ibadat mata?" Baginda menjawab: "(Bahagian ibadat mata) ialah memandang Mushaf, memikirkan kandungannya dan mengambil i'tibâr daripada keajaiban-keajaibannya." (Hadis riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi)

6. Mencantikkan tulisan Mushaf.
7. Jangan menjadikan Mushaf sebagai bantal dan tempat bersandar, dan jangan melemparkannya kepada kawan apabila kawan itu hendak mengambilnya.
8. Jangan dikecilkan ukuran Mushaf. Diriwayatkan bahawa Ali *Radhiyallahu 'anhu* pernah berkata: "Jangan engkau mengecilkan Mushaf."
9. Jangan mencampur-adukkannya dengan benda-benda lain yang bukan daripada Mushaf.
10. Jangan dihiasi dengan emas dan jangan ditulis dengan emas supaya tidak bercampur dengan perhiasan dunia.
11. Apabila tulisannya dijadikan bahan mandian kerana berubat daripada penyakit yang sedang dideritai, ianya janganlah jatuh ke lantai kotor atau tempat yang bernajis, atau tempat pijak-pijakan, akan tetapi hendaklah jatuh ke tanah yang tidak menjadi pijakan orang ramai, atau ke lubang yang digali pada tempat yang bersih, sehinggalah kesemua airnya jatuh ke dalam lubang itu, kemudian barulah lubang itu ditutup, atau ke sungai yang airnya akan bercampur dengan air mandian itu, lalu ia mengalir bersama.
12. Jangan menulis ayat pelindung yang dibawa masuk ke dalam tandas, kecuali ianya dimasukkan dalam kulit atau perak atau di dalam selain

keduanya. Dengan meletakkannya begitu, maka ianya seperti berada di dalam dada.

13. Apabila ianya ditulis, kemudian (airnya) diminum, hendaklah membaca *basmalah* setiap kali meneguknya dan hendaklah meluruskan niat, kerana Allah hanya akan memberi mengikut kadar niatnya.

#### Beberapa Hukum Berkaitan Dengan *Mushaf* Bagi Orang Yang Tidak Berwudhu

Mengenai hukum orang yang berhadas dengan *Mushaf* telah disebutkan oleh ulama seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Di bawah ini disebutkan lagi sebahagian yang disebutkan oleh Syeikh al-Malibari dan as-Sayyid al-Bakri.

- (i) Tidak haram membawa *Mushaf* bersama barang lain sekiranya tujuan sebenarnya bukan membawa *Mushaf* sahaja. Mengikut kitab at-Tuhfah, sekiranya maksudnya hanya:
    - a. Membawa *Mushaf* atau;
    - b. Membawa *Mushaf* bersama barang, atau;
    - c. Membawa secara mutlak,
 maka ketiga-tiga cara ini adalah haram, dan yang tidak haram hanyalah satu cara, iaitu jika niatnya hanya membawa barang.
 

Ulama lain ada yang berpendapat bahawa cara yang diharamkan itu hanya satu, iaitu sekiranya niatnya membawa *Mushaf* sahaja. Adapun sekiranya niatnya membawa bersama-sama dengan barang atau membawa barang sahaja atau membawanya secara mutlak, adalah tidak haram.
  - (ii) Haram menyentuh kertasnya, sama ada di tepi atau di tengah, sama ada masih bersambung, sudah putus atau sudah hapus tulisannya.
  - (iii) Haram menyentuh sampulnya, sarungnya atau petinya, tetapi dengan syarat bahawa sampul, sarung dan petinya itu disediakan khas hanya untuk *Mushaf* saja dan ketika itu *Mushaf* memang ada di dalamnya. Jika tidak demikian, adalah harus membawanya.
- Tersebut dalam at-Tuhfah: "Zahir pendapat ulama, adalah tidak ada perbezaan (hukum) di antara sampul, sarung dan peti yang memang disediakan khas untuk *Mushaf* sahaja sama ada ukurannya sama dengan *Mushaf* atau tidak, dan jika sekiranya pada kebiasaanya tempat itu memang tidak disediakan untuk *Mushaf*.
- (iv) Tidak haram membalikkan kertas dengan menggunakan benda lain seperti kayu kerana cara itu tidak disebutkan sebagai membawa.
  - (v) Tidak haram membawa *Mushaf* bersama tafsirnya, iaitu sekiranya tafsirnya lebih banyak. Sekiranya sama banyaknya, atau tafsirnya sedikit atau diragukan mana yang lebih banyak, maka tidak boleh menyentuhnya.
- Yang menjadi panduan dalam ukuran banyak sedikitnya antara *Mushaf* dan tafsir ialah tulisan 'Utsmani dalam *Mushaf* dan kaedah tulisan dalam tafsir. Jadi ketika membawanya yang diambil kira ialah jumlah al-Qur'an dan tafsir, manakala dalam perkara menyentuh, yang diambil kira ialah tempat di mana dia meletakkan tangannya, jika pada lembaran itu tafsir lebih banyak, maka hukumnya boleh, tetapi jika ayat al-Qur'an lebih banyak, maka hukumnya haram.
- (vi) Guru atau penjaga, tidak mengapa membiarkan kanak-kanak *mumayyiz*, walaupun dia berjunub membawa dan menyentuh *Mushaf* kerana keperluan mempelajarinya, seperti membawanya ke sekolah dan membawanya ke tempat guru untuk mempelajarinya.

Berkata al-Halabi dalam *Hawâsi al-Manhaj*: "Adalah haram menyentuh almari yang disediakan untuk meletakkan *Mushaf*, walaupun almari itu dalam ukuran yang sangat besar. Inilah pendapat al-'Alqami dan ar-Ramli."

Dalam at-Tuhfah disebutkan juga bahawa yang sama kedudukannya dengan peti ini termasuklah kerusi (rehal) yang diletakkan *Mushaf* di atasnya.

Dalam al-Bujairami disebutkan: "Yang muktamadnya, bahawa adalah haram menyentuh semua kerusi (rehal) kecil itu, dan tidak haram menyentuh rehal besar, kecuali tempat *Mushaf*."

Adapun kulit *Mushaf* adalah haram menyentuhnya sekiranya masih bersambung dengannya. Demikian pendapat Ibnu Hajar dan ar-Ramli. Pendapat lain mengatakan, sama ada bersambung dengannya atau ianya sudah terpisah, adalah tetap haram menyentuhnya, tetapi dengan syarat sekiranya kulitnya itu masih tetap dibangsakan kepada *Mushaf*. Pendapat lain menyebutkan lagi bahawa sekiranya kulitnya diganti dengan yang baru, maka kulit lama itu tetap juga haram disentuh dan sekiranya kertas *Mushaf* hilang atau terbakar, yang tinggal hanya kulit, maka kulit itu tidak haram disentuh.

- (iv) Tidak haram membalikkan kertas dengan menggunakan benda lain seperti kayu kerana cara itu tidak disebutkan sebagai membawa.
- (v) Tidak haram membawa *Mushaf* bersama tafsirnya, iaitu sekiranya tafsirnya lebih banyak. Sekiranya sama banyaknya, atau tafsirnya sedikit atau diragukan mana yang lebih banyak, maka tidak boleh menyentuhnya.

Yang menjadi panduan dalam ukuran banyak sedikitnya antara *Mushaf* dan tafsir ialah tulisan 'Utsmani dalam *Mushaf* dan kaedah tulisan dalam tafsir. Jadi ketika membawanya yang diambil kira ialah jumlah al-Qur'an dan tafsir, manakala dalam perkara menyentuh, yang diambil kira ialah tempat di mana dia meletakkan tangannya, jika pada lembaran itu tafsir lebih banyak, maka hukumnya boleh, tetapi jika ayat al-Qur'an lebih banyak, maka hukumnya haram.

- (vi) Guru atau penjaga, tidak mengapa membiarkan kanak-kanak *mumayyiz*, walaupun dia berjunub membawa dan menyentuh *Mushaf* kerana keperluan mempelajarinya, seperti membawanya ke sekolah dan membawanya ke tempat guru untuk mempelajarinya.

Selain Mushaf lengkap, termasuklah seperti papan dan buku tulis yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an.

Dibenarkan perkara ini adalah kerana ia akan membebani kanak-kanak itu supaya terus berwudhu, ini suatu perkara yang amat berat bagi mereka, kerana pada lazimnya masa mempelajari al-Qur'an itu memakan masa yang lama.

Walaupun kanak-kanak berkenaan dibenarkan menyentuh dan membawa Mushaf, mengikut fatwa Ibnu Hajar, adalah dimaafkan bagi guru kanak-kanak yang tidak berupaya terus menerus dalam keadaan suci (berwudhu) untuk menyentuh papan tulis yang ada padanya ayat-ayat al-Qur'an, kerana berwudhu itu mungkin susah dilakukan, akan tetapi hendaklah dia bertayammum kerana tayammum itu lebih mudah.

- (vii) Haram ke atas penjaga atau guru membawakan kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dengan Mushaf, walaupun setengah ayat kerana ditakuti ianya akan tercemar. (Al-Malibari, *Fath al-Mu'in*: 10, dan as-Sayyid al-Bakri: *I'ānāt Thālibīn*: 1/65-69)

Kita huraikan perkara: Cara menghormati dan memuliakan al-Qur'an dan hukum menyentuh Mushaf, bagi orang berwudhu dan tidak berwudhu itu, supaya memberikan ingatan kepada orang-orang Islam tentang kepentingan al-Qur'an itu sendiri, akan tetapi ini tidak kena mengena dengan orang bukan Islam, bahkan kita tidak banyak mengharapkan orang bukan Islam akan menghormati dan memuliakan al-Qur'an sebagaimana yang dikehendaki oleh syara' lebih-lebih lagi di antara syarat-syarat wudhu itu hendaklah dia orang Islam, yakni tidak sah wudhu orang kafir. Ini bererti jika orang bukan Islam, walaupun dia berwudhu, namun wudhunya itu tidaklah sah.

Di samping itu antara perkara-perkara yang diharamkan ke atas orang haidh pula ialah, selain menyentuh al-Qur'an ialah membacanya.

#### Mengajar Atau Memperdengarkan Bacaan Al-Qur'an Kepada Orang Bukan Islam

Persoalan yang ditimbulkan oleh ulama ialah mengenai orang bukan Islam sebelum membaca dan menyentuh al-Qur'an. Adakah boleh diajar membaca atau didengarkan bacaan al-Qur'an kepada mereka?

Menurut al-Imam an-Nawawi dalam kitabnya *at-Tibyān* (halaman 137), bahawa tidaklah ditegah orang kafir mendengar al-Qur'an berdasarkan firman Allah:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ  
أَسْتَجَارَكَ فَأَجِزْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ  
كَلِمَةَ اللَّهِ  
(Surah al-Tawbah : 6)

**Tafsirnya:** "Dan jika seseorang daripada kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar kalāmullāh."

(Surah at-Taubah: 6)

Ahli tafsir ada yang mentafsirkan 'mendengar kalāmullāh' itu, antaranya, ialah supaya orang musyrikin mendengar keterangan-keterangan atau dalil kebenaran Islam. Ada pula yang mentafsirkan kalāmullāh itu al-Qur'an dan membacakannya kepada orang musyrikin.

Adapun mengajar al-Qur'an kepada orang kafir, berkata ulama-ulama asy-Syafi'e: "Jika sekiranya tidak diharapkan dia masuk Islam, maka tidaklah harus diajarkan kepadanya. Akan tetapi jika diharapkan dia masuk Islam menurut *wajh* yang lebih *ashah*, haruslah diajarkan kepadanya. (*At-Tibyān li an-Nawawi* 137).

Ditanya kepada Ahmad bin Hanbal (mengenai mengajar al-Qur'an kepada kanak-kanak Majusi):

هَلْ تَرَى لِلرَّجُلِ الْمُسْلِمِ أَنْ  
يُعْلَمَ عَلَامًا مَحْوِسًا شَيْئًا مِّنَ  
الْقُرْآنِ؟ قَالَ : إِنَّ أَسْلَمَ فَنَعَمْ ،  
وَإِلَّا فَأَكْرَهَ أَنْ يَضْعَفَ الْقُرْآنَ فِي  
غَيْرِ مَوْضِعِهِ

**Ertinya:** "Apa pendapat tuan bagi seorang lelaki Muslim mengajar kanak-kanak Majusi sesuatu daripada al-Qur'an?" Jawabnya: "Jika dia masuk Islam 'ya'. jika tidak, maka makruh meletakkan al-Qur'an bukan pada tempatnya." (Al-Jāmi'i al-Khallal: 1/120-121)

#### Khatam Al-Qur'an

Mengenai khatam al-Qur'an yang biasanya diadakan di sekolah secara bermajlis beramai-ramai, maka melihat kepada sambutan orang-orang bukan Islam terhadap Islam, khasnya orang-orang Iban dan Dusun, iaitu dengan merujuk kepada pengalaman Negara Brunei Darussalam, mereka itu ramai yang memeluk Islam. Berasaskan ini, harapan untuk orang bukan

Islam memeluk Islam di negara ini adalah sentiasa ada. Oleh hal yang demikian, jika terdapat tanda-tanda adanya harapan bagi orang bukan Islam itu akan masuk Islam, seperti kanak-kanak bukan Islam dan termasuk ibu bapa mereka sendiri suka anak-anak mereka itu belajar al-Qur'an dan menghadiri majlis khatam al-Qur'an, maka harus kanak-kanak itu menyertai majlis khatam al-Qur'an atau sebagai dakwah kepada mereka agar lebih terbuka hati kepada Islam, tetapi dengan ingatan, mereka jangan (haram) menyentuh al-Qur'an dalam keadaan apa jua sama ada kerana berhadas atau haidh, dan haram membacanya bagi yang ada haidh atau yang berhadas besar. Untuk memudahkan membawanya dan membuka lambaran-lambarannya bolehlah menggunakan al-Qur'an yang ada terjemahannya (tafsirnya). Namun huruf-huruf al-Qur'an tidak boleh disentuh. (Sila lihat Fatwa Mufti Kerajaan 2002, halaman 14)

#### (2) Kanak-Kanak Bukan Islam Mengerjakan Sembahyang

Mendirikan sembahyang merupakan ibadat bagi orang-orang Islam dan salah satu daripada rukun Islam. Sembahyang itu hanya diwajibkan ke atas setiap orang Islam, baligh, berakal dan suci daripada hadas dan najis. Adapun bagi orang bukan Islam, sembahyang itu tidak wajib ke atasnya.

Jika sembahyang itu dilakukan dengan tidak menurut syarat-syaratnya, maka tidaklah ia menjadi ibadat yang sah di sisi Allah seperti sembahyang yang dilakukan oleh orang bukan Islam. Tidak sah sembahyang berjemaah yang dilakukan oleh kanak-kanak yang bukan Islam itu kerana tidak memenuhi syarat peribadatan tersebut dan sembahyang itu juga tidak disyariatkan ke atas mereka.

Syarat Islam itu adalah syarat semua perkara ibadat. Oleh kerana itu kanak-kanak bukan Islam tidak dituntut untuk mengerjakan sembahyang sama ada bersendirian atau berjemaah.

Walau bagaimanapun jika sekolah berhajat untuk mengajar kanak-kanak bukan Islam itu bersembahyang, memadailah mereka itu duduk di surau melihat rakan-rakan yang beragama Islam mengerjakan sembahyang. Bolehlah juga dilakukan seperti dengan menggunakan alat pandang-dengar, cara-cara lakonan bersembahyang atau melalui video dan lain-lain dengan menerangkan hikmat atau faedah-faedah sembahyang itu dengan penerangan atau penjelasan yang munasabah sesuai dengan keupayaan berfikir kanak-kanak tersebut. Pendeknya jadikan kanak-kanak bukan Islam yang belajar di sekolah-sekolah agama ini suatu kesempatan untuk menerangkan kebaikan dan keindahan Islam secara terancang dan berhikmah.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

## KONSEP MIB DALAM PENDIDIKAN PENTING

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan berkata konsep MIB (Melayu Islam Beraja) dalam pendidikan berperanan penting bagi melahirkan ulama dan anak-anak didik yang berakhlaq mulia.

Ulama pula menurut Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan memainkan peranan penting bagi melahirkan insan yang berilmu dan yakin serta bertakwa kepada Allah *Subhanahu wata'ala*

*"Ulama bukan sahaja berperanan dalam bidang fiqh dan tasawwuf malah ianya juga meliputi semua bidang termasuk bidang pendidikan". tambah Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan.*

Bagi melahirkan ulama-ulama acuan al-Qu'r'an menurut Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan adalah penting bagi negara kita, Brunei Darussalam membina serta mewujudkan sekolah-sekolah agama, sekolah Arab, pusat pengajian dan universiti yang berorientasikan Islam.

Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan menyatakan demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Peranan Ulama Dalam Pendidikan" di Seminar Pendidikan dan Profesionalisme yang merupakan salah satu acara dalam Majlis Ilmu Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

ke-59 tahun. Seminar telah berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 30 Julai, 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sebanyak 9 kertas kerja telah dibentangkan oleh pembentang dari dalam dan luar negeri. Ini termasuk kertas kerja bertajuk "Al-Qur'an Sebagai Panduan Mendidik Akhlak dan Menangani Isu Sosial" oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, dan "Falsafah Pendidikan Negara: Ke Arah Kecemerlangan Pembangunan Duniawi dan Ukhrawi" oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pendidikan.

## PROGRAM LATIHAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Program Latihan Pembentangan Kertas Kerja yang diusahakan oleh Bahagian Ifta dan Bahagian Buhuth dan Irsyad, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri diteruskan lagi dengan pembentangan kertas kerja bertajuk "Mengenali Sebilangan Punca Perbezaan Pendapat Di Kalangan Ulama Mazhab Hanafi dan Syafi'e Dalam Hukum Fiqh: Tinjauan Kepada Isu-Isu Yang Berkaitan Hadis *Ähäd*."

Kertas kerja kali ini dibentangkan oleh Awang Haji Mas Redzuan bin Haji Jumat, Pegawai Penyelidik Ugama Kanan pada hari Khamis 4 Sya'ban, 1426 bersamaan 8 September, 2005 di Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam.

Hadir di majlis tersebut ialah Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai ilmu di Jabatan Mufti Kerajaan.

untuk memberi pendedahan, pengalaman dan latihan selok-belok penulisan dan pembentangan kertas kerja di kalangan pegawai-pegawai ilmu (secara dalam).

Sebelum ini, program latihan tersebut telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 17 Mac, 2005 dan pada 6 Jun, 2005.



Awang Haji Mas Redzuan bin Haji Jumat, Pegawai Penyelidik Ugama Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan ketika membentangkan kertas kerja. (Atas)

Di antara yang hadir di majlis program latihan pembentangan kertas kerja tersebut. (Kiri)

Program latihan ini antara lain bertujuan

## Undang-Undang Alat Untuk Mendapatkan Keadilan:

# Luhur Di Sisi Allah, Penting Bagi Manusia

Oleh: Awang Osman Abu Bakar

Undang-undang adalah alat untuk mendapatkan keadilan. Ia luhur di sisi Allah dan penting bagi manusia. Keadilan adalah matlamat bagi apa sahaja undang-undang, lebih-lebih lagi undang-undang Allah, juga memang seratus peratus menjamin keadilan.

Bagaimana caranya untuk berlaku adil itu? Iaitulah dengan melalui proses penghakiman, salah satunya menghendaki *'al-bayyinah'* atau keterangan. Dalam keterangan pula tercakup saksi, di mana sama ada keputusan akan memihak kepada tertuduh atau sebaliknya berdasarkan kepada kekuatan bukti serta kesahihan keterangan yang ada. Ini dia fungsi penghakiman untuk menegakkan keadilan.

Perkara tersebut telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berucap selaku tetamu kehormat seterusnya merasmikan Seminar Undang-Undang Keterangan Syariah dan Sivil anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Grand Ceasar Hall, Orchid Garden Hotel, Berakas pada 1-2 Sya'ban, 1426 bersamaan 5 - 6 September, 2005 yang lalu.

"Undang-undang syariat meliputi semua aspek: Persoalan aqidah, seperti tentang ketuhanan dan nabian; persoalan akhlak, seperti tentang ikhlas, ria dan 'ujub'; persoalan kelakuan zahir, seperti tentang sembahyang, zakat, puasa dan haji; persoalan kekeluargaan, seperti tentang nikah dan nafkah; persoalan muamalah, seperti tentang jual beli dan hutang-piutang; persoalan jenayah, seperti tentang bunuh dan minum arak, dan persoalan politik."

"Inilah pengertian asal undang-undang syariat, iaitu agama yang mengandungi pelbagai hukum yang ditetapkan oleh Allah untuk hamba-hambaNya", tegas Yang Berhormat Pehin.

Manakala undang-undang sivil, yang juga disebut dalam perundangan Arab sebagai *'al-qanun al-madani'*, jelasnya adalah merujuk kepada undang-undang khusus mengenai hubungan sesama manusia, dan diguna pakai bagi undang-undang



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat Seminar Undang-Undang Keterangan Syariah dan Sivil, sama-sama menadah tangan mengaminkan doa di majlis perasmian seminar berkenaan

jenayah. Jika ini diterima, bererti undang-undang sivil itu merangkumi permasalahan kontrak, pemilikan tanah, wasiat, hal ehwal kekeluargaan dan ganti rugi. Sementara undang-undang jenayah ialah yang berkaitan dengan apa jua yang mendatangkan mudharat kepada orang ramai.

Sebanyak tujuh buah kertas kerja telah dibentangkan di seminar dua hari itu, termasuklah kertas kerja perdana bertajuk "Undang-undang Keterangan Syariah Menjamin Keadilan" oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

## Mufti Selangor dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Lawat Darulifta

Oleh: Siti Alawiyah Mohd Zainal

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menerima kunjungan hormat Mufti dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor, yang disertai oleh seramai 12 orang ahli rombongan. Lawatan kerja dan kunjungan hormat ini telah diadakan pada 15 Sya'ban, 1426H bersamaan 19 September, 2005M.

Mengikut jadual awal, perjumpaan dan perbincangan antara Sahibus Samahah Dato Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid, Dato Seri Utama Diraja, Mufti Selangor dan rombongan akan diadakan bersama Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Walau bagaimanapun, perjumpaan tersebut telah diwakili oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, memandangkan pada masa itu Yang Berhormat Mufti Kerajaan sedang berada di luar negeri.



Ahli rombongan juga turut dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dan menikmati jamuan makan malam di Bangunan Darulifta' pada sebelah malam di hari yang sama.

Rombongan berangkat pulang ke Malaysia pada 16 Sya'ban, 1426H bersamaan 20 September, 2005M.

Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid, Dato Seri Utama Diraja, Mufti Selangor dan rombongan ketika mengadakan sesi perbincangan dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

## PENGHULU, KETUA KAMPUNG, BELIA MASJID DAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LAWAT JMK

Oleh: Awang Osman Abu Bakar

Serombongan belia masjid seramai 60 orang dari seluruh negara telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 9 Sya'ban, 1426 bersamaan 13 September, 2005 yang lalu.

Belia-belia tersebut adalah dalam rangka mengikuti Program Tasawwur Islami Belia-Belia Masjid Senegara Tahun 1426H/2005M anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan lawatan ke balai pameran ini adalah salah satu aktiviti yang disusun bagi program tersebut.

Sebelum dibawa melihat sekitar balai pameran, para pelawat telah diberikan taklimat ringkas berhubung dengan balai pameran oleh Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, Penolong Pegawai Perhubungan



*Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei Muara ketika mendengar taklimat ringkas sebelum meneruskan lawatan mereka ke Galeri Manuskrip al-Qur'an, Tasbih, Tongkat dan Kitab-kitab Manuskrip di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*

Awam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Sehari sebelum lawatan berkenaan, satu rombongan seramai 80 orang penuntut dari Sekolah Menengah Sayidina Omar al-Khattab, Jalan Kasat juga telah mengadakan

lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 8 Sya'ban, 1426 bersamaan 12 September, 2005. Lawatan tersebut adalah sebagai salah satu aktiviti pelajar-pelajar sekolah berkenaan sempena cuti persekolahan penggal kedua.



*Sebahagian pelawat yang terdiri daripada para belia masjid yang mengikuti Program Tasawwur Islami Belia-Belia Masjid Senegara Tahun 1426H/2005M ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*



*Sebahagian pelajar Sekolah Menengah Sayidina Omar Al-Khattab sedang memerhatikan al-Qur'an yang dipamerkan di Balai Pameran Islam untuk menambah ilmu dan maklumat mereka tentang manuskrip al-Qur'an ketika mengadakan lawatan ke jabatan ini.*

Sementara itu, pada 10 Sya'ban, 1426 bersamaan 14 September, 2005 yang lalu, seramai 105 orang penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan lawatan serupa ke Balai Pemeran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Ketibaan rombongan disambut oleh beberapa orang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan dan telah diberikan taklimat mengenai balai pameran oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

## PELAJAR SEKOLAH ST. GEORGE

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Serombongan lebih 40 orang pelajar tingkatan 3, 4 dan 5 Sekolah St. George telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Daruifta Brunei Darussalam pada 10 Rejab, 1426 bersamaan 15 Ogos, 2005.

Rombongan pelawat telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan yang diketuai oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan.

Sebelum dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Pameran Sejarah Perkembangan Intitusi

## LAWAT DARULIFTA

Fatwa, rombongan pelawat telah diberi taklimat mengenai dengan sejarah, fungsi dan peranan Jabatan Mufti Kerajaan.

Menurut pengetua sekolah tersebut lawatan berkenaan bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada sebahagian daripada tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dan ingin meninjau lebih dekat lagi tentang kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai di samping ingin melihat bahan-bahan pameran.



*Para pelajar diberitahu bahawa Jabatan Mufti Kerajaan bukan hanya berperanan untuk mengeluarkan fatwa tetapi juga untuk menyebarkan ilmu dan maklumat.*



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda berkenan bergambar bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2005.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan koleksi tasbih di pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda'.




Baginda menyaksikan jam meja diperbuat daripada logam berenamel iaitu pesembah daripada pemerintah Borneo Utara pada 31 Mei, 1951 yang disembahkan kehadapan Majlis Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

## Ristaan Sekitar MajIEx 2005

(20 Jamadilakhir - 1 Rejab, 1426 / 27 Julai - 6 Ogos, 2005)



Baginda menyaksikan beberapa bilah keris koleksi Al-Marhum ayahanda baginda sambil disembaikan penerangan oleh Pengarah Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.




Baginda menyaksikan tulisan khat yang terkecil pada sebutir beras yang mengukirkan surah al-Khlas dari Iran.



Baginda berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada Yusuf Liu Baojun, penulis Cina Islam yang turut sama menyertai Pameran Majlis Ilmu 2005.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menandatangani plak Pameran MajIEx 2005.



Baginda menyaksikan pameran sebahagian Mushaf al-Qur'an koleksi baginda dan ayahanda baginda.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan buku 'Tsunami: Satu l'tibar', sebuah buku terbaru terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.



Baginda disembahkan sebuah kitab suci al-Qur'an semasa berangkat ke gerai Mujamma' al-Malik Fahd li ath-Thiba'ah asy-Syarif, Madinah al-Munawwarah.



Baginda berkenan berinteraksi bersama kanak-kanak semasa berangkat melawat pameran Galeri MENDAKI, Singapura.

# MARRIAGE BY A COURT APPOINTED GUARDIAN

## Question:

A bride and groom were married by *wali hakim* (guardian appointed by the court) by order of the *Qâdhi* Court because the *wali* (bride's father) had refused to act as the guardian of his *mauliyyah* (daughter). After the '*aqad nikah*' the girl's father has refused to allow his daughter to be with her husband because the father claims that the marriage is null and void. As such, a fatwa is requested concerning the said marriage.

## Answer:

الحمدُ لله رب العالمين والصلوة  
والسلام على سيدنا محمد  
وعلى آله وصحبه ومن تبعهم  
ياسان إلى يوم الدين وبعد.

Guardianship can be transferred from an unwilling legal guardian to a sultan or a *qâdhi* on six conditions:

- The definite refusal of the legal guardian is made to a *qâdhi* in the presence of two witnesses.
- The intended groom is of equal social status (*kufu'* with the bride).
- The woman and man or their representative(s) are present in front of the *qâdhi*.
- The woman has decided on one of the men who is of equal social status.
- The woman is mature.
- The refusal (to be the *wali*) is not repeated three times, if so, it is transferred to a distant *wali*.

Therefore, if the definite refusal ('*adhal*) to be legal guardian is clearly made in the presence of a *qâdhi*, the marriage using a *Wali Hakim*, as determined by the *qâdhi*, is valid according to *shara'* on condition that all other marriage conditions are satisfied.

With the validity of the said marriage confirmed, a father should not prevent his daughter from going with her husband because according to *shara'*, a wife's obedience to her husband is *wâjib*.

In brief, among the rights of a husband that the wife must satisfy are:

- Obedience to husband.
- Good conduct towards husband.
- Surrender self to husband.
- Live in the house allocated by husband.

Actually *shara'* condemns the attitude of a father who refuses to be legal guardian to his daughter (his *mauliyyah*) who has met all conditions in her marriage. Rasulullah *Šallallahu 'alaihi wasallam*

*'alaihi wasallam* said to parents regarding their daughters:

إِذَا جَاءَكُمْ مَنْ تَرْضُونَ دِينَهُ  
وَخُلُقَهُ فَأَنْكِحُوهُ إِلَّا تَفْعَلُوا  
تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ  
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ  
فِيهِ قَالَ إِذَا جَاءَكُمْ مَنْ تَرْضُونَ  
دِينَهُ وَخُلُقَهُ فَأَنْكِحُوهُ (ثَلَاثَ  
مَرَاتٍ)

(Rواه الترمذى)

**Meaning:** "When there comes to you a man whose religion and conduct you approve of, then marry her off, if you do not, there will arise fitnah (trial or affliction) and destruction on the face of this earth." They asked: "O Rasulullah, if he is poor or from an average family?" Rasulullah has said: "When there comes to you a man whose religion and conduct you approve of, then marry her off." (This statement was repeated by Rasulullah three times).

(*Hadith narrated by at-Tirmidzi*)

It can clearly be understood from this *hadith* that it is not proper for a father to prevent his daughter from marrying when there is a suitable man who has come to marry her. If the father prevents it, he has infringed upon his daughter's rights and has prevented the accomplishment of something which is lawful (*halâl*) and is favoured by Allah, that is the *sunnah* of marriage which is very much encouraged by Rasulullah *Šallallahu 'alaihi wasallam*.

This father's refusal does not stop here (that is refusing to be the legal guardian to his daughter), in fact even after the marriage, the reluctant father endeavoured not to release his

# JMK SUMBANG BUKU UNTUK PELAJAR CEMERLANG

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**J**abatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyumbangkan sebanyak 334 naskhah buku Isu-Isu Kewangan kepada Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Buku-buku tersebut disampaikan oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah kepada Dayang Hajah Fatimah Binti Haji Abd. Ghani, Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah Bahagian Rendah, Kementerian Pendidikan, di satu majlis yang diadakan di Darulifta Brunei Darussalam pada hari Sabtu 15 Rejab, 1426 bersamaan 20 Ogos, 2005.

daughter to go with her husband. Yet, *shara'* requires a wife to obey her husband. Rasulullah *Šallallahu 'alaihi wasallam* has said:

لَوْ أَمْرَتُ أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ  
لِأَحَدٍ، لَأَمْرَتُ الْمَرْأَةَ أَنْ  
تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا

(رواه ابن ماجه)

**Meaning:** "Should I command that one human prostrate to another, surely I will command a wife to prostrate to

Menurut Dayang Hajah Fatimah, buku-buku tersebut akan dijadikan hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang dan terbaik bagi sekolah-sekolah rendah seluruh negara.



Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan ketika menyampaikan salah sebuah buku sebagai simbol penyerahan kepada Dayang Hjh Fatimah bte Hj Abd Ghani.



Di antara yang hadir di majlis penyerahan sumbangan tersebut yang berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam.

her husband."

(Hadith narrated by Ibn Majah)

Therefore, the action of the said father who has refused to release his daughter to be with her husband, especially if it is with the intention of separating them without any cause, is *harām* and sinful. *Shara'* requires Muslims to constantly establish *silaturrahim* (kinship ties), not the reverse, in fact feuding couples should be reconciled so that they may resume a peaceful and happy family life.

Separating or not reconciling couples could in the end lead to divorce (*talāq*) and divorce is despised by Allah although it is *halāl*

Remember that an unmarried woman is under the control of her father and she should obey the commands of her father but when she is married, the authority shifts to her husband and it is *wājib* for her now to obey her husband in matters which are not against Islam.

Therefore, in maintaining peace between the husband and wife and in maintaining good relations between daughter and father, it is *wājib* for the father to release his daughter to follow her husband so that the wife is able to (do both)-- perform her responsibilities towards her husband and, at the same time, obey her parents.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

**Actually *shara'* condemns the attitude of a father who refuses to be legal guardian to his daughter (*mauliyyah*) who has met all conditions in her marriage.**

## PENGUSAHA ZALIM

Oleh Abu Qasim Ismail

Dalam sejarah Islam pada masa pemerintahan Bani Umayyah, al-Hajjaj bin Yusuf at-Tsaqafi terkenal sebagai seorang penguasa yang sangat zalim dan melampaui batas. Namun begitu ketika berhadapan dengan hukum Allah Ta'ala, beliau tetap tunduk dan tidak berlengah melaksanakannya. Banyak kisah ngeri dan menakutkan berkenaan dengan kekejaman al-Hajjaj berlaku semasa pemerintahannya. Beliau tidak segan-segan menyeksa dan membunuh lawan-lawan politiknya dengan begitu bengis dan kejam.

Tersebut dalam kitab Tarikh Ibnu Jawzi bahawa penjara yang dibina oleh al-Hajjaj hanyalah terdiri daripada dinding sahaja tanpa bumbung untuk melindungi banduan-banduan daripada panas terik dan dingin. Setengah pendapat mengatakan bilangan orang yang dibunuh oleh al-Hajjaj ialah sebanyak 120,000 orang tidak termasuk bilangan yang dibunuh dalam perperangan. Ketika beliau meninggal dunia terdapat kira-kira 50,000 orang lelaki dan 30,000 orang perempuan dalam penjaranya. Inilah penguasa yang dilantik oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Pernah pada satu kejadian al-Hajjaj naik ke atas pentas dan berkata: "Sesungguhnya aku adalah al-Hajjaj bin Yusof, aku sedang mencari kepala yang sedang masak ranum untuk aku cantas." Yang dimaksudkan oleh al-Hajjaj kepala yang ranum itu ialah kepala para alim ulama. Satu ketika yang lain pula dikumpulkan semua alim ulama di istananya. Selesai makan al-Hajjaj berucap: "Aku sekarang tidak takut lagi dengan lidah ulama kerana makanan yang telah kamu makan itu aku jamu dengan daging kibasy yang tidak disembelih..." Begitulah betapa bencinya al-Hajjaj kepada alim ulama.

Pada satu hari beliau mengutus pengawalnya untuk membawa seorang 'ābid (ahli ibadat) yang terkenal dengan kewarak dan keilmuannya supaya hadir di satu majlis di istananya. Apabila 'ābid itu dibawa mengadap kepadanya, tanpa usul periksa lagi al-Hajjaj memerintahkan 'ābid tersebut dimasukkan ke dalam penjara. Sementara itu kakinya dibelenggu dengan rantai dan ditulis pada rantai itu dengan perkataan "Orang ini dipenjarakan seumur hidup."

Apabila 'ābid itu mendengar perintah al-Hajjaj dia tersenyum lalu berkata kepada al-Hajjaj: "Wahai al-Hajjaj!

## Akur Dengan Kelebihan Zikir

Adakah engkau memerlukan rantai yang paling besar sekali yang beratnya satu pikul?" Kata 'ābid itu.

"Untuk apa rantai yang sebegitu berat?" Tanya al-Hajjaj bodoh.

"Untuk engkau merantai semua bintang-bintang (falak), barangkali inilah masa yang paling sial bagimu," ujar 'ābid itu.

"Ya!" Al-Hajjaj menggangguk-anggukkan kepalanya dengan ketawa yang berdekah-dekah seakan mengejek.

"Wahai al-Hajjaj, betapa tinggi ilmumu, namun kau masih kurang berakal, terlalu berani terhadap Tuhanmu, engkau tidak memperdulikan kebaikan Tuhanmu terhadap dirimu sendiri!" Kata 'ābid itu dengan penuh kiasan.

Mendengar kata-kata berani 'ābid itu, al-Hajjaj menjadi murka dan marah sekali. Mukanya merah padam lalu memerintahkan pengawal-pengawalnya menyeret 'ābid itu ke dalam penjara katanya: "Wahai pengawal, heret dia ke penjara! Rantai dia kuat-kuat, aku perintahkan supaya 'ābid itu dikurung di dalam sebuah rumah yang kecil, kemudian tutup pintunya rapat-rapat, biar dia mati kepanasan." Perintah al-Hajjaj tanpa perikemanusiaan.

'Ābid itu kemudiannya dibawa ke penjara dan diperlakukan seperti yang diperintahkan oleh al-Hajjaj. Tubuh dan kakinya diikat dengan rantai, dan al-Hajjaj telah membawa tukang besi khas untuk mengikat rantai itu. 'Ābid itu dimasukkan ke dalam sebuah rumah yang sempit dan ditutup pintunya tanpa diberikan makan dan minum.

'Ābid ini tenang saja bila diperlakukan oleh orang-orang suruhan al-Hajjaj itu. Beliau tidak meronta-ronta atau minta dikasihani. Malah beliau terus membacakan zikir berikut:

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ  
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

**Ertinya:** "Memadailah aku ada Allah, yang tiada tuhan melainkan Dia, kepadaNya aku menyerahkan diriku ini dan Dialah Tuhan yang mempunyai kekuasaan yang besar."

Bila tiba waktu malam atas arahan al-Hajjaj, pengawal penjara itu datang untuk mengintip dan mengintai 'ābid itu sama ada sudah mati ataupun sudah nazak. Semuanya itu tidak berlaku, malah pengawal itu mendapat 'ābid itu sedang bersembahyang dan berdoa kepada Allah Subhanahu wata'ala. Pengawal penjara itu amat takjub sekali, bagaimana 'ābid itu boleh sembahyang di dalam sebuah rumah yang begitu sempat, tiada ruang untuk dia bergerak. Jika dia bersembahyang pun, bagaimana dia boleh sempat berdoa? Padahal orang yang dimasukkan ke dalam rumah kurungan itu dikira orang yang diserahkan kepada maut. Biasanya tidak lama orang itu dapat hidup, akhirnya membawa kepada kematian.

Kemudian pada esok paginya, ketika matahari sedang meninggi naik, pengawal penjara itu datang lagi untuk melihat orang tahanannya. Bila dia tiba di situ, alangkah terkejutnya apabila dia melihat pintu rumah kecil itu sudah terbuka. Dia segera menjenguk ke dalam rumah itu dan didapati rumah itu kosong, tiada penghuni lagi. Rantai yang mengikat 'ābid itu juga terletak di situ. "Di mana orang tahanan ini!" Dia menyebutnya berkali-kali di hatinya.

Dicarinya 'ābid itu di sekeliling penjara, tetapi hampa, 'ābid itu tidak ada lagi di situ. "Ya Allah! Celakalah badan! Celakalah badan!" Pengawal tersebut mengulangi kata-kata itu berulang kali.

Pengawal penjara itu termenung sebentar memikirkan nasibnya yang bakal dihukum oleh al-Hajjaj yang zalim itu. Apa pun alasan yang dibuat, ianya tetap tidak akan diterima oleh al-Hajjaj.

Pengawal itu segera berlari ke rumah menemui anakisterinya untuk memberitahu akan nasib yang menimpanya yang memungkinkan isteri dan keluarganya tidak akan melihatnya lagi selepas ini. Oleh sebab itu dia telah berusaha mencari kain untuk dijadikan kafan mayatnya kelak. Setelah persediaan dibuat, perjumpaan dengan anak isterinya sudah dilakukan, dia beranikan dirinya menghadap al-Hajjaj untuk menyampaikan berita yang cukup memurkakan al-Hajjaj pada hari itu.

Tiba saja di hadapan al-Hajjaj, tiba-tiba badannya gementar, lidahnya kelu, dia tidak dapat menyampaikan berita kehilangan 'ābid itu. Dia kaku di situ sehingga al-Hajjaj menegurnya: "Apa hal

kamu berkeadaan begini?" Tanya al-Hajjaj yang tidak pernah melihat pengawal itu berkelakuan demikian, padahal dia sudah menjadi pengawal penjaranya sejak sekian lama.

"Orang tahanan tuan....!" Dia tidak dapat menghabiskan kata-kata tersebut kerana disergah oleh al-Hajjaj.

"Ah! Kenapa orang tahananku itu? Sudah mati!?" Tanya al-Hajjaj meninggikan suaranya.

"Tidak mati, tuan," jawab pengawal itu dengan mukanya yang berkerut.

"Belum mati lagi? Nyawanya liat agaknya," sindir al-Hajjaj.

"Bukan begitu tuan," terang si pengawal itu. "Sebenarnya dia sudah lepas lari." Sambungnya.

"Apa kata engkau, sudah lari? Kata al-Hajjaj terkejut. Bagaikan harimau yang sedang lapar, mukanya tiba-tiba bertukar menjadi bengis sekali menyebabkan badan si pengawal penjara itu menjadi gementar.

"Betul sudah lari?" Ulang al-Hajjaj lagi minta kepastian.

Pengawal penjara itu mengangguk anggukkan kepalanya dengan lemah.

"Macam mana dia boleh lari? Barangkali engkau tidak mengikatnya dengan rantai seperti yang aku suruh tak?" Suara al-Hajjaj menengking.

"Saya sudah buat sebagaimana yang tuan perintahkan. Kami juga sudah memanggil tukang besi khas untuk mengikatnya dengan lebih teliti, tapi....," kata pengawal itu yang terkejut apabila penerangannya dipotong oleh al-Hajjaj.

"Tapi apa?" Tanya al-Hajjaj.

Pengawal penjara itu pun tidak dapat mengatakan apa-apa lagi. Dia juga hairan bagaimana '*âbid*' itu boleh melepaskan dirinya.

"Panggil tukang besi itu sekarang juga!" Perintah al-Hajjaj.

Tukang besi yang sememangnya selalu berada di penjara itu datang mengadap. Dia belum tahu apa yang berlaku.

"Apa engkau buat dengan orang alim yang dipenjara semalam?" Soal al-Hajjaj.

Tukang besi itu memberitahu al-Hajjaj

apa yang dilakukan terhadap '*âbid*' itu dan semuanya sudah dibuat seperti yang diperintahkan, tidak ada satupun yang diingkarinya.

"Habis bagaimana dia boleh terlepas dan lari?" Tanya al-Hajjaj kepada tukang besi itu.

"Terlepas? Tak mungkin tuan," jawab tukang besi itu terkejut.

"Tak mungkin kata engkau?" Tengking Al-Hajjaj.

"Pengawal ini kata '*âbid*' sudah lari! Kau bilang tak mungkin." Suara al-Hajjaj semakin meninggi.

Tukang besi sangat terkejut mendengar berita itu. Dia tidak percaya yang '*âbid*' itu boleh terlepas daripada rantai khas yang dipasangkannya itu. Belum pernah ada orang terlepas melainkan sudah mati, baru dia sendiri yang membuka rantai itu.

"Barangkali ada pengkhianat dalam istanaku ini yang membukanya?" Al-Hajjaj mula ragu.

"Tak mungkin tuan. Sebab saya yang pegang kuncinya," jelas tukang besi itu.

"Barangkali engkau yang membukanya?" Tuduh al-Hajjaj kepada tukang besi itu.

"Tuan! Saya sekali-kali tidak pernah mengingkari perintah tuan, apakah lagi mengkhianati seperti ini," jawab tukang besi yang cuba mempertahankan dirinya.

"Habis macam mana '*âbid*' dapat membebaskan dirinya?" Kata Al-Hajjaj tampak tidak puas hati di atas apa yang berlaku.

Al-Hajjaj cuba mengingati apa yang dia pernah dengar daripada kata-kata '*âbid*' itu. Ternyata '*âbid*' itu pernah mengatakan bahawa al-Hajjaj perlu mencari rantai yang beratnya satu pikul. Kemudian '*âbid*' itu mengatakan bahawa "inilah masa yang paling sial baginya!". Semua itu adalah tanda-tanda yang telah diisyaratkan oleh '*âbid*' itu terhadap apa yang akan berlaku sesudah itu. Sekarang benarlah apa yang dikatakannya itu.

"Cuba engkau ingat, apa perkara pelik yang dibuat oleh orang alim itu sebelum dia dimasukkan ke dalam rumah kecil itu!" Pinta al-Hajjaj kepada pengawal penjara dan tukang besi itu.

Mereka cuba mengingati jika ada sesuatu yang pelik yang dibuat oleh '*âbid*' itu,

tetapi tidak ada. Al-Hajjaj tidak sabar hendak tahu, maka dia mengulangi pertanyaan itu.

"Ada tidak perkara pelik! Cuba ingat kembali."

"Ya, barangkali ada," jelas tukang besi. "Itu pun saya tidak pasti," tambahnya lagi.

"Apa dia?" Cela al-Hajjaj tidak sabar.

"Orang alim itu ada membaca sesuatu," kata tukang besi.

"Apa dia?" Tanya al-Hajjaj.

"Saya tak hafal," jawab tukang besi.

"Engkau pula bagaimana?" Tanya al-Hajjaj sambil menunjuk pula kepada pengawal penjara.

"Saya hafal separuh saja, itupun yang pernah saya baca. Sambungannya saya tak ingat," jawab pengawal penjara pula.

"Apa dia? Apa dia?" Lagak al-Hajjaj yang sudah seperti orang hilang akal kerana hatinya meluap-luap ingin tahu rahsia orang alim itu boleh melepaskan dirinya dari penjara, tapi masih belum kesampaian disebabkan akal tukang besi dan pengawal penjara yang dungu itu.

"Ya, ....baru saya ingat tuan, bunyinya begini: حَسْنِي اللَّهُ الْعَظِيمُ ، sambungannya ada lagi tapi saya ták ingat. Dia panjang sikit," kata pengawal penjara itu. Manakala tukang besi ternganga mulutnya kerana dia tidak tahu sama sekali.

“Barangkali: حَسْنِي اللَّهُ الْعَظِيمُ وَبِحَمْدِهِ !” Al-Hajjaj cuba mengingatkan.

"Bukan!" Kata pengawal penjara itu.

"Mana kau tahu, bukan?" tanya al-Hajjaj hendak memastikan.

" بِحَمْدِهِ itu saya tahu, seperti bacaan dalam sembahyang?" Terang pengawal itu.

"Benar kata engkau itu," al-Hajjaj cuba mencari zikir yang lain.

"Tuan! Kalau tak salah saya ada kalimah تَوَكَّلْتُ عَلَى رَبِّي أَعْلَمْ seolah-olah dia bertawakkal kepada Tuhan," jelas pengawal itu.

# PERMASALAHAN PUASA

Oleh: Hajah Safiyah Bte Haji Tuah

## 1. Perempuan Hamil Dan Menyusukan Anak

Terdapat kelonggaran (*rukhsah*) bagi wanita dalam menjalani ibadat puasa sebagaimana tersebut dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Daripada Anas bin Malik katanya: "Telah datang seorang lelaki yang sedang dalam perjalanan kepada Nabi *Sallallahu 'ala'i wasallam* di Madinah, yang mana ketika itu Baginda sedang makan siang. Lalu Nabi mengajak untuk makan bersama, lelaki itu mengatakan bahawa dia sedang berpuasa, lalu Nabi bersabda: "Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla telah membolehkan seorang musafir untuk membatalkan puasanya dan menggasar sembahyangnya. Demikian pula Allah membolehkan bagi seorang wanita yang hamil dan menyusui anaknya untuk membatalkan (berbuka) puasanya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa bagi wanita yang sedang hamil dan menyusukan anak adalah diharuskan bagi mereka berbuka puasa.

Namun persoalannya, adakah diwajibkan kepada mereka mengqadha puasanya saja tanpa dikenakan *fidyah* atau diwajibkan kedua-duanya sekali? Jawapannya tertakluk kepada hal-hal berikut :

- Jika dia berbuka kerana merasa takut akan kemudharatan *dirinya sahaja* atau takut akan kemudharatan *dirinya dan juga anaknya*, maka wajib ke atasnya mengqadha puasa yang ditenggalkannya itu sahaja **tanpa** dikenakan *fidyah*.
- Jika dia berbuka kerana merasa takut akan kemudharatan *anaknya sahaja*, maka wajib ke atasnya *qadha puasa berserta fidyah* pada tiap-tiap hari yang ditenggalkannya itu.

Harus dikeluarkan *fidyah* itu selepas masuk malam bagi hari puasa yang dikeluarkan *fidyah* itu.

Jenis makanan yang dikeluarkan ialah makanan yang mengenyangkan bagi sesebuah negeri itu, seperti beras bagi negeri kita. Kadar *fidyah* itu ialah 1 *mudd* (cupak) bersamaan dengan kiraan 15 tahl (566.85 gram) bersamaan dengan 77 sen.

## 2. Berpuasa Dalam Keadaan Junub (Berhadas Besar)

Orang yang berhadas besar pada malam hari sehingga membawa kepada siangnya dia masih dalam keadaan berhadas besar, adalah sah puasanya itu. Dengan kata yang lain, sah puasa walaupun dalam keadaan berhadas besar.

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan

daripada 'Aisyah Radhiyallahu 'anha beliau berkata yang maksudnya: "Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'ala'i wasallam pernah kedapatan Subuh (kesiangan) dalam keadaan junub kerana *jim'ah* bukan kerana mimpi dan Baginda terus saja berpuasa." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## 3. Haidh Atau Nifas

Perempuan yang haidh atau nifas, apabila kering atau terputus darahnya pada malam hari puasa atau pada siangnya, bolehlah dia berpuasa keesokan harinya, walaupun dia belum lagi bersuci dengan mandi hadas.

## 4. Makan Atau Minum Kerana Terlupa

Jika dia makan atau minum dalam keadaan terlupa atau tidak sengaja, maka perbuatan itu tidaklah membatalkan puasanya.

## 5. Keluar Mani

Apabila seseorang bermimpi di siang hari puasa lalu keluar mani, maka tidaklah batal puasanya dengan *ijmā'* ulama, kerana perbuatannya itu tidak dikira sebagai sengaja. Seperti halnya seseorang yang tertelan lalat yang terbang masuk ke dalam mulut lalu masuk ke dalam perut dengan tidak sengaja, tidaklah membatalkan puasanya.

## 6. Bersetubuh

Apabila orang yang sedang berpuasa pada siang hari dengan sengaja memasukkan *hasyafah* atau kadarnya pada qubul atau dubur, sama ada manusia atau binatang, maka batal puasa orang yang melakukan persetubuhan itu dan wajib dia mengqadha puasanya serta dikenakan ke atasnya *kaffarah*.

Begitu juga kepada orang yang disetubuhinya adalah batal puasanya dan wajib *qadha* puasa tetapi tidak dikenakan *kaffarah* ke atasnya.

*Kaffarah* tersebut ialah:

1. Memerdekaan seorang hamba, atau
2. Puasa 2 bulan berturu-turut, atau
3. Memberi makan 60 orang fakir miskin.

## 7. Memakai Kontek Lens Dan Bertitik Mata

Mata tidaklah termasuk di dalam apa yang dikatakan sebagai rongga, demikian dijelaskan oleh al-Imam an-Nawawi di dalam kitabnya Raudhah ath-Thālibīn. Oleh yang demikian, memasukkan sesuatu ke mata dengan sengaja seperti memakai kontek lens di kelopak mata ketika berpuasa tidak membatalkan puasa.

Begitu juga menitiskan titik mata ketika berpuasa tidaklah membatalkan puasa, kecuali jika diyakini benda (*'ain*) cecair yang dititikkan itu masuk melalui lubang yang ada

pada mata itu dan sampai ke kerongkong, maka apabila benda itu ditelan, batal puasanya. Jika diludahkanya tidaklah membatalkan puasa.

Tetapi jika yang sampai ke kerongkong itu hanya rasanya bukan benda cecair itu, walaupun ditelan tidaklah membatalkan puasa, kerana rasa itu tidak dinamakan *'ain*. Hal ini diqiyāskan daripada pembicaraan ulama tentang memakai celak mata ketika berpuasa.

## 8. Pemindahan Darah

Di dalam perkara ini bolehlah dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu mengeluarkan darah dari dalam badan dan memasukkan darah ke dalam badan.

Mengenai hukum mengeluarkan darah dari dalam badan orang yang berpuasa seperti orang yang berbekam, tidaklah membatalkan puasa. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhu berkata maksudnya: "Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'ala'i wasallam berbekam sedang Baginda berpuasa." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Walaupun begitu, perbuatan berbekam ini adalah makruh bagi orang yang berpuasa, kerana ditakuti akan melemahkan dirinya.

Demikian juga hukum berderma darah di siang bulan Ramadhan bagi orang yang sedang berpuasa, tidaklah membatalkan puasa, hanya dihukumkan makruh sahaja, kerana perbuatan ini bukan memasukkan sesuatu ke dalam sebarang rongga tetapi sebaliknya mengeluarkan darah.

Manakala memasukkan darah ke dalam tubuh badan orang yang sedang berpuasa atau penyucian darah dengan menggunakan mesin bagi orang yang mengalami sakit buah pinggang adalah membatalkan puasa, kerana darah yang dimasukkan itu akan sampai ke rongga perutnya dan seterusnya ke jantungnya dan darah itu akan diproses untuk sampai ke seluruh badan.

Hal ini sama dengan menyuntikkan cecair ubat seperti air gelukos melalui urat darah bagi tujuan memberi tenaga atau lain-lain tujuan pencegahan atau kesihatan adalah membatalkan puasa, kerana dalam hal ini benda (*'ain*) itu pasti sampai ke perut panjangnya dan *mā'ida*nya iaitu tempat memproses makanan, maka sudah tentu perbuatan ini lebih utama membatalkan puasa daripada perbuatan menambah darah.

Demikian di antara kelonggaran-kelonggaran yang telah disyariatkan oleh hukum Islam dalam melaksanakan ibadat kepada Allah yang merupakan suatu rahmat kepada umatnya. Sernoga ia dapat dijadikan rujukan semasa kita menjalani ibadat puasa terutama sekali bagi kaum wanita khususnya yang sedang hamil atau yang sedang dalam proses menyusukan anak.

# TSUNAMI Banyak I'tibar Dan Hikmah

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Peristiwa Tsunami benar-benar memberikan *i'tibar* dan pengajaran yang amat besar mengenai kekuasaan dan kebesaran Allah. Selain itu ia juga banyak mengandungi hikmah dan keajaiban.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejah Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohamad bin Haji Daud di Majlis Pelancaran Buku "Tsunami: Satu I'tibar" yang berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam pada hari Sabtu 2 Jamadilakhir, 1426 bersamaan 9 Julai, 2005.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan penerbitan buku tersebut ia diharapkan akan menjadi sebuah buku yang sangat berguna sebagai bahan rujukan dan rekod sejarah dalam sumbangan dan komitmen raja dan negara di arena serantau dan



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menandatangani buku yang dilancarkan (atas kiri). Di antara jemputan yang hadir di Majlis Pelancaran buku Tsunami: Satu I'tibar, di Darulifta Brunei Darussalam (atas kanan).

antarabangsa.

Buku "Tsunami: Satu I'tibar" mengandungi himpunan ceramah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan Khutbah 'Idul Adha

1425 yang disampaikan sendiri oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Surau Brunei Hall, London.

Buku tersebut boleh didapati di Jabatan Mufti Kerajaan dan di kedai-kedai buku terpilih dengan harga \$7.00 senaskah.

## RTM KUCHING LAWAT DARULIFTA

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Serombongan pegawai-pegawai Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kuching telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam pada 29 Jamadilawal, 1426 bersamaan 6 Julai, 2005.

Rombongan telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan diketuai oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan.

Sebelum dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji

Hassanal Bolkiah rombongan pelawat telah diberikan taklimat mengenai sejarah perkembangan institusi fatwa, fungsi dan peranan Jabatan Mufti Kerajaan. Di akhir taklimat, rombongan telah mengemukakan pertanyaan yang berkaitan dengan bidang penyiaran, terutamanya penglibatan Jabatan Mufti Kerajaan dalam menyumbangkan rancangan untuk siaran radio dan televisyen.

Rombongan pelawat ini adalah dalam rangka lawatan kerja ke Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui projek MoU RTB/RTM. Menyertai rombongan pelawat ialah pegawai-pegawai RTB.



Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, ketika mengalu-alukan dan memberi taklimat mengenai sejarah perkembangan institusi fatwa, fungsi dan peranannya kepada rombongan pelawat dari Radio Televisyen Malaysia, Kuching.



Rombongan pelawat dari RTM Kuching bersama rakan-rakan mereka dari RTB bergambar ramai bersama Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, selepas melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

## SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN TAHFIZ AL-QUR'AN SEDUNIA LAWAT DARULIFTA

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**S**etiausaha Agung Pertubuhan Tahfiz Al-Qur'an Sedunia, Rabithah Alam Islami, asy-Syeikh Dr. Abdullah bin Ali Basfar, yang berpejabat di Jeddah, Arab Saudi melawat Darulifta Brunei Darussalam pada hari Sabtu 16 Jamadilakhir, 1426 bersamaan 23 Julai, 2005.

Rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Oang Kaya Paduka Setia Raja Dato



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan memberikan penjelasan lanjut mengenai dengan balai pameran dan institusi fatwa, sebaik saja selesai melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin dan Pegawai-pegawai kanan, Jabatan Mufti Kerajaan.

Rombongan telah dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan diberi penerangan mengenai dengan bahan-bahan yang dipamerkan.

Di akhir lawatan rombongan telah

diberikan penjelasan lanjut mengenai balai pameran dan institusi fatwa di sessi perjumpaan bersama Timbalan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan, Jabatan Mufli Kerajaan.

Rombongan berada di negara ini dalam rangka lawatan muhibbah dan menjadi tetamu kepada Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

## BUKU TSUNAMI: SATU I'TIBAR Menarik Perhatian Di MajIEx 2005

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**B**uku Tsunami Satu I'tibar, yang dilancarkan pada 9 Julai, 2005 mendapat perhatian di Pameran Majlis Ilmu 2005 (MajIEx 2005) yang berlangsung pada 27 Julai hingga 6 Ogos, 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sejak buku tersebut dilancarkan lebih 1,000 naskhah telah dijual kepada orang ramai. Buku ini merupakan salah satu buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang terlaris.

Selain buku ini, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri juga mempromosi buku-buku terbitannya yang lain semasa pameran Majlis Ilmu ini, selaras dengan fungsinya untuk menyebarkan Ilmu dan maklumat.



Pameran Majlis Ilmu ini juga mempamerkan bahan yang berbentuk contoh-contoh strategi, projek, program, peralatan dari institusi dan agensi yang berkaitan dengan pendidikan dan profesionalisme, termasuk dari luar negeri.

Yang menarik ialah pameran yang diusahakan oleh Balai Kenang-Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien yang mempamerkan sumbangan baginda dalam pendidikan dan profesionalisme.



Buku Tsunami: Satu I'tibar mendapat perhatian dari pengunjung Pameran Majlis Ilmu 2005, yang merupakan salah satu acara Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme.

# DIALOG ANTARA AGAMA ASEM: BINA KEHARMONIAN ANTARA AGAMA DI KALANGAN MASYARAKAT ANTARABANGSA

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Seorang pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama, telah berlepas ke Bali, Indonesia bagi menyertai delegasi Negara Brunei Darussalam untuk menghadiri Dialog Antara Agama Asia dan Eropah (ASEM): Membina Keharmonian Antara Agama Di Kalangan Masyarakat Antarabangsa, yang diadakan pada 21 hingga 22 Julai, 2005 yang lalu. Dialog tersebut adalah atas anjuran pemerintah Republik Indonesia dan United Kingdom. Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh 8 orang delegasi, diketuai oleh Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Ustaz Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia.

Sebanyak 27 daripada 35 buah negara ahli ASEM telah hadir dalam dialog tersebut, di samping ASEAN Sekretariat, Asia Europe Foundation (ASEF) dan The Holy See.

Dialog tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Bapak Hassan



Perwakilan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim, Duta Besar Negara Brunei ke Republik Indonesia.

Wirajuda, Menteri Luar Negeri Republik Indonesia. Dalam ucapannya, beliau berharap agar dialog tersebut akan menghasilkan satu saranan/rekomendasi bagi merealisasikan keharmonian di antara agama di kalangan komuniti antarabangsa.

Tuan Yang Terutama, Bapak Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia pula dalam ucaptananya antara lain menggariskan bagaimana dialog tersebut boleh membantu penduduk Asia

dan Eropah, salah satunya ialah boleh menjadi jambatan penghubung bagi mengurangkan salah faham atau kurang faham, dan dapat membentuk perpaduan di antara masyarakat berbagai kaum.

Di akhir sesi perbincangan, dialog telah mengeluarkan '*Bali Declaration on Building Interfaith Harmony Within the International Community*' yang mencakup bidang-bidang seperti pendidikan, kebudayaan, media, agama dan masyarakat.

(Dari ke muka 17)

"Aku faham sekarang, barangkali zikir ini:

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ  
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

"Betul tidak?" Tanya al-Hajjaj bersemangat.

"Itulah bacaannya tuan, baru saya ingat," jawab mereka berdua serentak.

"Macam mana kamu tahu itu betul?" Tanya al-Hajjaj.

"Disebabkan tuan membacanya baru saya teringat," jawab mereka.

"Celaka kamu berdua! Bodoh! Bodoh! Bodooohh!" Al-Hajjaj menengking mereka.

"Pergi! Lebih baik engkau pergi dari sini sebelum aku menjadi lebih marah lagi. Nanti engkau berdua pula yang aku hukum," kata al-Hajjaj.

Mereka segera meninggalkan tempat itu kerana bimbang akan dihukum oleh al-Hajjaj sehingga kain kafan pengawal penjara itu keciciran. Bila meilih kain kafan itu jatuh tukang besi bertanya:

"Untuk siapa kain kafan itu?"

"Untuk diriku," jawab pengawal penjara itu pendek.

"Buat apa, engkaukan belum hendak mati?" Kata tukang besi.

"Sebenarnya orang yang bekerja dengan al-Hajjaj mesti bersedia untuk mati seribu kali!" Kata pengawal itu dengan penuh simbolik.

Mereka tersenyum pahit kerana debaran takut dalam dada masih belum reda, lantaran menyaksikan maut berlalu begitu saja di hadapan muka mereka berdua.

Sejak terjadinya peristiwa 'ābid itu, tiba-tiba terdorong hati al-Hajjaj untuk mengetahui dan mencari rahsia zikir itu. Beliau sibuk memanggil orang-orang alim untuk menganalisa zikir tersebut, lalu berkata pada dirinya sendiri: "Memang pintar orang alim itu! Dia telah memohon bantuan kepada penguasa yang sebenarnya penguasa iaitu Penguasa Yang Maha Berkuasa dan Dialah yang Berkuasa di atas apa jua segala sesuatu! Sebab itu dia terlepas daripada kuasaku!" Wallahu a'lam.

*Dipetik dari kitab asal Mukhtashar Raudhur Raiyahin karangan Al'Allamah AlYaf'iyy, terjemahan Syed Ahmad Semait.*

# SEMINAR PENGURUSAN FATWA PERINGKAT ASEAN

Oleh: Awang Osman Abu Bakar

Seorang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam telah membentangkan kertas kerja di Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang diadakan di Hotel Nikko, Kuala Lumpur, Malaysia pada 11 hingga 12 Rejab, 1426 bersamaan 16 hingga 17 Ogos, 2005 yang lalu.

Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan telah membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk Pengurusan Fatwa: Pengalaman Negara Brunei Darussalam pada sesi Fatwa In ASEAN Countries di hari kedua seminar tersebut.

Seminar anjuran Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Kolej Universiti Islam Malaysia itu didukung oleh beberapa objektif antaranya untuk meninjau peluang kerjasama penyelidikan dan perkongsian maklumat di antara negara ASEAN berkaitan berbagai-bagai aspek fatwa di samping membincangkan



Awang Haji Japar bin Haji Maidin (empat dari kanan) bergambar ramai bersama para pembentang kertas kerja Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN.

isu-isu berkaitan pengurusan fatwa di peringkat ASEAN termasuk aspek pemantapan fatwa dan memartabatkan institusi fatwa.

Beberapa orang pembentang kertas kerja dan peserta dari dalam dan luar

negara termasuk negara ASEAN telah menghadiri seminar tersebut. Awang Hazimin bin Haji Ibrahim, Pegawai Fatwa Kanan, dari Jabatan Mufti Kerajaan telah menghadiri seminar berkenaan sebagai peserta.

## Seminar Perkembangan Islam Nusantara *Kuching, Sarawak*

Oleh: Siti Alawiyah Mohd Zainal


Jabatan Mufti Kerajaan telah menghantar dua orang pegawai ke Seminar Perkembangan Islam Nusantara, Kuching, Sarawak. Seminar yang dianjurkan bersama oleh Majlis Islam Sarawak dan Universiti Teknologi MARA Sarawak sempena Sambutan Jubli Emas Ke-50 Majlis Islam Sarawak dan Universiti Teknologi MARA Sarawak telah berlangsung selama 3 hari iaitu dari 17 – 19 Sya'ban, 1426 bersamaan 21 – 23 September, 2005.

Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Islam Di Brunei: Impaknya Terhadap Adat Istiadat". Seorang lagi pegawai Jabatan Mufti Kerajaan yang menjadi peserta seminar ialah Awangku Zamiri bin Pg. Haji Jamaludin, Pegawai Penyelidik Ugama.

Seminar yang diadakan di Hotel Crowne Plaza Riverside, Kuching, telah dibuka rasmi oleh Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Para pembentang kertas kerja di seminar berkenaan antara lain adalah terdiri daripada karyawan-karyawan dari beberapa buah institusi pengajian tinggi terkemuka di Malaysia, Indonesia, China dan juga London.

Pada hari terakhir seminar, satu forum bertajuk "Perjuangan Membangunkan Umat Islam di Sarawak, Sabah dan



Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Istinbat ketika membentang kertas kerja.

Brunei" telah diadakan di mana salah seorang ahli penalnya ialah Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

## Mufti Kerajaan Terima Kunjungan Duta China

Oleh: Awang Osman Abu Bakar

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama MME Yang Yanyi, Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Pehin Mufti di Darulifta'

Brunei Darussalam pada 6 Sya'ban, 1426 bersamaan 10 September, 2005 yang lalu.

*Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menerima kunjungan Puan Yang Terutama MME Yang Yanyi, Duta Besar Republik Rakyat China.*



## ROMBONGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA LAWAT JMK

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Serombongan 6 orang pegawai Kolej Universiti Islam Malaysia telah mengadakan lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan pada hari Selasa 5 Jamadilakhir, 1426 bersamaan 12 Julai, 2005.

Rombongan diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor bin Hussin. Bersama rombongan ialah Prof. Dr. Haji Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah Institusi Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

Semasa berada di Jabatan Mufti Kerajaan, rombongan telah mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz

Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Di pertemuan itu kedua-dua belah pihak telah menerangkan fungsi dan peranan institusi masing-masing, terutamanya yang bersangkutan paut dengan hal ehwal fatwa dan kemungkinan kerjasama yang boleh dibuat antara kedua belah pihak.



*Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika mengadakan pertemuan dengan rombongan Kolej Universiti Islam Malaysia.*

## BENGKEL ASAS PENERBITAN di Kuala Lumpur

Oleh: Awang Osman Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menghantar dua orang pegawainya untuk menyertai Bengkel Asas Penerbitan di Petaling Jaya, Selangor Malaysia. Mereka ialah Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, Penolong Pegawai Perhubungan Awam dan Awang Osman bin A. Bakar, Penolong Ketua Teknik Penerbitan.

Bengkel selama tiga hari itu adalah anjuran Universiti Malaya, Malaysia diadakan di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya Selangor mulai 15 hingga 17 Sya'ban, 1426 bersamaan 19 hingga 21 September, 2005 yang lalu.

Bengkel tersebut dibimbing oleh 3 orang pembimbing iaitu Prof. Madya Dr. Hamedi Mohd. Adnan dari Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Mus Chairil



*Para peserta bergambar ramai sebagai kenang-kenangan di akhir bengkel tersebut.*

Samanii dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Encik Ganesan Nagamuthu dari Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Antara lain bengkel tersebut bertujuan untuk memberikan bimbingan kepada para peserta segala proses yang berkisar

dalam dunia penerbitan, meliputi proses editorial, pengeluaran, pencetakan dan pemasaran. Ia juga bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada segala cabaran yang terpaksa dihadapi dalam tugas harian di bidang penerbitan di samping membimbing para peserta cara mengatasinya.


# MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KDYMM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun.

Majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong pada hari Khamis 8 Jamadilawal, 1426 bersamaan 14 Julai, 2005 diselajurkan dengan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya berjemaah, membaca surah Yāsīn, *tahlīl* dan doa kesyukuran.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir di Majlis Doa Kesyukuran tersebut.*

'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang fardhu Maghrib diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Awang Ibrahim dan sembahyang fardhu Isya diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Hamid bin Bakal.

Bacaan surah Yāsīn dan *tahlīl* dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan doa kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Majlis doa kesyukuran ini merupakan salah satu acara sempena hari keputeraan baginda yang diadakan serentak di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda menadah tangan ketika doa kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.*

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Darulhita' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) / [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn) dan [penerbitanjmk@netkad.com.bn](mailto:penerbitanjmk@netkad.com.bn)